

MENDALAMI PEMAHAMAN ILMU TERHADAP ISLAM DAN FALSAPAH UNTUK MEMBENTUK PERPADUAN

Farah Adibah Roslan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6011-59980104 Email: farahroslan@raudah.usim.edu.my

Nur 'Aisyah 'Afifah Hairo Zafuan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6011-23350340 Email: aisyah.afifah@raudah.usim.edu.my

Nur Irdina Fasihah Ahmad Tarmidzi

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6018-3973697 Email: irdinafasihah@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Manusia dikurniakan akal untuk berfikir. Setiap individu perlu menitikberatkan penggunaan akal, pemikiran rasional dan pengetahuan yang mendalam tentang islam dan falsafah untuk memperkuat perpaduan. Ilmu pengetahuan merupakan asas tunjang dalam membentuk masyarakat yang bertamadun. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengetahui sejauhmanakah pemahaman ilmu terhadap islam dan falsafah dapat membentuk perpaduan. Kajian yang berteraskan kualitatif ini memaparkan beberapa contoh pemeraksanaan ilmu terhadap islam dan falsafah. Dapatan seterusnya mengemukakan relevan dan cabaran mengekalkan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa pemahaman ilmu yang mendalam terhadap islam dan falsafah adalah penting dan menjadi sumber kekuatan untuk membentuk perpaduan demi keharmonian sejagat.

Kata Kunci : Pemahaman ilmu, islam dan falsafah, perpaduan

1. Pengenalan

Falsafah islam terbina daripada kefahaman yang menyeluruh terhadap konsep ilmu, malah perbahasan yang lengkap terhadap konsep dan hakikat ilmu merupakan sebahagian daripada disiplin dan perbincangan falsafah (Ramli, Ab Majid, 2011). Dalam era globalisasi ini, kefahaman Ilmu dan falsafah Islam amatlah penting kerana ianya merupakan salah satu cara untuk memupuk perpaduan dan keharmonian. Apabila masyarakat global saling berhubung, keperluan untuk memahami subjek ini dengan menyeluruh menjadi jelas dalam menggalakkan rasa hormat dan persefahaman antara mereka. Fitrah kejadian manusia menyukai perkara-perkara yang bersifat aman, damai, tenteram, Bahagia dan tidak menyukai perkara-perkara yang berlawanan dengannya (Meerangani, Rosele, dan Marinsah, 2020).

Dengan meneroka tradisi ilmu Islam yang kaya dan wawasan falsafah yang mendalam, kita boleh mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu dan inklusif. Selain itu, kefahaman ilmu yang mendalam tentang islam dan falsafah membolehkan setiap individu memperoleh pandangan tentang ajaran Islam dan nilai-nilai murni yang ditegakkan. Penerokaan Al-Quran dan hadis dapat memberikan panduan bagi tingkah laku peribadi dan perkauman. Di samping itu, mendalami tradisi falsafah islam yang kaya membolehkan individu menghargai sumbangan intelektual ulama Islam, memupuk persekitaran pembelajaran silang budaya dan rasa hormat dalam diri masing-masing.

2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mendalami pemahaman terhadap Islam dan falsafah untuk membentuk perpaduan. Reka bentuk kajian yang dipilih adalah penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah sebagai sumber informasi utama.

Proses pengumpulan data dilakukan dengan mengumpulkan bahan-bahan yang relevan, seperti buku, jurnal, dokumen, dan sumber-sumber lain yang berkaitan dengan Islam, falsafah, dan pembentukan perpaduan. Setiap bahan yang dikumpulkan akan dibaca, dikaji, dan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk memahami konsep-konsep yang mendalam.

Seterusnya, data yang diperoleh akan dianalisis secara mendalam bagi membentuk kesimpulan mengenai pemahaman ilmu yang dapat menyumbang kepada pembentukan perpaduan. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik untuk mendalami dan memahami fenomena yang dikaji secara holistik berdasarkan sumber-sumber yang ada.

2.1 Pemilihan sampel kajian

Persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan dalam pemilihan sampel kajian. Sampel terdiri daripada artikel jurnal, bab buku, dan laporan kajian yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kriteria pemilihan sampel adalah seperti berikut:

1. Dokumen yang membincangkan isu-isu berkaitan perpaduan masyarakat dalam konteks Islam dan falsafah.
2. Dokumen yang mempunyai fokus atau bahagian yang khusus membincangkan aspek-aspek keharmonian dan integrasi sosial dari perspektif agama dan budaya.
3. Dokumen yang boleh didapati secara atas talian atau dalam perpustakaan universiti.

3. Perbincangan

3.1 Definisi ilmu

Ilmu dari segi bahasa berasal dari perkataan arab iaitu (alima) yang bermaksud pengetahuan. Dari segi istilah pula dapat difahami bahawa ilmu adalah kefahaman tentang sesuatu hakikat dengan sebenarnya (Batubara, 2024). Menurut Ibn Khaldun, ilmu boleh difahami sebagai “sesuatu yang dapat dipelajari oleh manusia sama ada menggunakan akal fikiran, pancaindera, pengalaman-pengalaman, mahupun dengan pertolongan wahyu Ilahi”. Ilmu tersebut pula dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu ilmu yang tidak menyalahi ajaran agama dan ilmu yang menyalahi agama (Saari, 2000).

Dalam Islam, menuntut ilmu amat dititikberatkan, dan ia dianggap sebagai usaha yang mulia. Pemerolehan ilmu bukan sahaja dilihat sebagai cara memperkaya diri tetapi juga sebagai cara menunaikan kewajipan agama. Menuntut ilmu juga dilihat sebagai cara untuk lebih memahami dan menghayati ciptaan Allah, yang membawa kepada hubungan yang lebih mendalam dengan ilahi.

3.2 Definisi falsafah

Perkataan falsafah berasal daripada bahasa Yunani, dimana “philo” bermaksud cinta dan “sopho” pula membawa makna hikmah atau kebijaksanaan. Jadi kalau digabungkan, falsafah sebenarnya bermakna cinta terhadap kebijaksanaan atau kebenaran serta keutamaan. Istilah ini mula-mula sekali digunakan oleh Pythagoras. (Abdul Rahman, 2005). Justeru “philosophia” juga membawa maksud kecintaan kepada ilmu, kebenaran dan hikmah. Namun begitu, pentakrifan yang luas ini masih perlu diperincikan untuk mendapat kefahaman yang mendalam tentang ilmu falsafah. Falsafah juga mempunyai hubungan yang rapat dengan agama terutamanya dalam tradisi masyarakat timur yang menjadikan agama sebagai teras kehidupan yang benar dan bahagia. Perkataan falsafah dalam Bahasa

Melayu berasal daripada perkataan Arab (فلسفه). Perkataan Arab ini pula adalah transkrip daripada perkataan asal Greek iaitu philosophia yang sudah dijelaskan sebentar tadi (UUM Press, 2021).

Terdapat ahli falsafah yang cuba untuk memperincikan maksud ilmu falsafah. Umpamanya Plato (428-347 SM) merupakan seorang ahli falsafah selepas Pythagoras. Beliau yang pertama sekali memberikan takrif falsafah dengan lebih khusus. Plato menegaskan bahawa "falsafah adalah ilmu yang meneliti hakikat yang mendasari kepada sesuatu benda atau perkara di sebalik sifat luarnya" (Hashim, 2001). Melalui pentakrifan ini menunjukkan falsafah adalah satu ilmu yang membincangkan tentang asas dan inti pati pembentukan sesuatu benda atau perkara itu, apa asasnya, apa komponennya dan apa zatnya (Hashim, 2001). Selain itu, dalam Bahasa Greek ahli falsafah dikenali sebagai philosophe. Manakala menurut Bahasa Arab pula ahli falsafah dikenali sebagai failasof (فيلسوف).

3.3 Definisi perpaduan

Perpaduan dikenali sebagai integrasi atau harmoni, adalah proses atau keadaan di mana beberapa unsur atau aspek yang berbeza disatukan secara seimbang dan saling melengkapi untuk mencipta keselarasan dan kesejajaran (Hutahaean, 2020). Ia adalah proses penyatuan, integrasi dan pemahaman antara pelbagai entiti dalam sesebuah masyarakat, organisasi atau negara. Perpaduan mengiktiraf, menghargai dan menggabungkan kepelbagaian, lalu membina satu identiti yang kuat dan bersatu padu (Mohamad Solihan, 2018).

Dalam konteks masyarakat pelbagai budaya dan agama, perpaduan ialah kemampuan untuk hidup bersama secara aman dan saling menghormati, walaupun terdapat perbezaan latar belakang. Ia memerlukan sikap terbuka, toleransi dan kefahaman antara kaum, agama dan budaya yang berlainan, serta komitmen untuk mencapai matlamat bersama sebagai satu entiti yang bersatu padu. Perpaduan sedemikian membina ketahanan sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara atau masyarakat (Ab. Aziz Mohd Zin, 2016).

3.4 Hasil dapatan kajian

Hasil analisis bahan-bahan ilmiah yang dikaji menunjukkan beberapa dapatan utama berkaitan dengan pemahaman Islam dan falsafah untuk membentuk perpaduan.

3.4.1 Contoh Pemeraksanaan Ilmu terhadap Islam dan Falsafah

Pertama, Islam menekankan konsep tauhid iaitu kepercayaan kepada Tuhan sebagai asas utama pembentukan kesatuan (Wan Daud, 1998). Konsep tauhid ini menekankan kepercayaan bahawa Tuhan itu satu, Maha Kuasa, dan Pencipta yang menjadi asas kepada seluruh kehidupan manusia (Kamali, 2008). Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang konsep tauhid boleh dilihat sebagai mengukuhkan perpaduan sesama manusia, tanpa mengira latar belakang agama, etnik, mahupun sosial (Kamali, 2017). Kepercayaan yang kuat dalam keesaan Tuhan ini mengatasi perbezaan identiti dan asal usul dan membolehkan kumpulan manusia yang berbeza ini bersatu.

Kedua, falsafah Islam menekankan prinsip keadilan, kesaksamaan, dan saling menghormati dalam membina masyarakat yang bersatu padu (Kamali, 2008). Falsafah ini memerlukan manusia untuk saling membantu, menghormati antara satu sama lain, dan bekerjasama tanpa diskriminasi, membantu membentuk perpaduan yang lebih kukuh (Al-Attas, 1995). Prinsip Islam yang menekankan keadilan, kesaksamaan, dan saling hormat-menghormati dianggap sebagai asas untuk menggalakkan semangat perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat yang berbeza latar belakang.

Ketiga, konsep persaudaraan (ukhuwah) dalam Islam merupakan salah satu nilai penting yang dapat mengeratkan perpaduan bukan sahaja sesama umat Islam tetapi juga dengan penganut agama lain. Konsep ini menekankan semangat saling menyayangi, tolong menolong, dan bertolak ansur sebagai sesama manusia (Osman, 1996). Berpandukan nilai ukhuwah, masyarakat berbilang agama dan etnik dapat hidup harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman mendalam tentang Islam dan falsafahnya yang menekankan konsep tauhid, keadilan, persamaan dan persaudaraan, dapat menyumbang kepada pembentukan perpaduan yang lebih utuh dan stabil dalam masyarakat. Nilai-nilai Islam yang mementingkan perpaduan, keharmonian dan toleransi antara latar belakang agama, etnik dan sosial yang berbeza dianggap sebagai tunjang kepada pembinaan masyarakat yang bersatu padu dan saling menghormati.

3.4.2 Relevan

Mendalami intipati ajaran al-Quran dan prinsip-prinsip perundangan Islam adalah penting untuk mewujudkan perpaduan. Ini boleh dicapai dengan mempelajari al-Quran dan Hadis, memahami konteks di mana ia diturunkan, dan meneroka tafsiran-tafsiran ilmiah. Perpaduan bukanlah sesuatu yang boleh dicapai dalam satu malam sahaja, ia menuntut penghayatan dan Pendidikan yang berterusan terhadap nilai-nilai yang menyatukan bangsa dan memerlukan penglibatan semua pihak (Shahrudin, Zubir, 2020). Di samping itu, kajian mendalam tentang falsafah Islam, termasuk karya pemikir terkemuka seperti Al-Farabi, Ibn Sina dan Ibn Rusyd, boleh memberikan pandangan yang berharga tentang tradisi intelektual Islam dan keserasiannya dengan penaakulan falsafah. Dengan melibatkan diri dengan sumber asas ini, seseorang boleh memperoleh kefahaman menyeluruh tentang prinsip dan nilai yang menyokong Islam dan meneroka bagaimana ia boleh menyumbang kepada pemupukan perpaduan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai.

Seterusnya, melibatkan diri dengan warisan intelektual tamadun Islam yang kaya juga boleh melibatkan penerokaan sumbangan utama Islam dalam pelbagai bidang seperti sains, matematik, perubatan dan sastera. Idea inovatif dan karya ilmiah mereka telah banyak mempengaruhi perkembangan ilmu dan tamadun manusia. Selain itu, memahami interaksi Sejarah antara masyarakat Islam dan budaya lain boleh memberikan pandangan penting tentang potensi dialog antara budaya dan persefahaman bersama.

Tambahan pula, pemeriksaan terhadap prinsip etika dan moral yang ditekankan dalam ajaran Islam boleh menawarkan panduan berharga untuk memupuk perpaduan dan Kerjasama dalam masyarakat yang pelbagai. Ini termasuk mengkaji konsep seperti keadilan, belas kasihan, dan kepentingan saling menghormati yang boleh menjadi asas bersama untuk memupuk hubungan harmoni di kalangan individu yang mempunyai kepercayaan dan latar belakang yang berbeza.

Pada dasarnya, kefahaman kedua-dua ilmu terhadap islam dan falsafah dapat menyediakan asas yang kukuh untuk membina kesefahaman dan Kerjasama, akhirnya menyumbang kepada pembentukan perpaduan dan keharmonian dalam dunia global ini.

3.4.3 Cabaran Mengekalkan Perpaduan Dalam Masyarakat Berbilang Kaum Dan Agama

Di Malaysia, perpaduan kaum telah menjadi faktor penting yang menentukan kestabilan dan kemajuan negara. Meskipun negara ini dikenali dengan pelbagai budaya dan etnik, terdapat cabaran dalam memelihara dan memperkukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat dan agama. Antara cabaran yang perlu dihadapi untuk mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia:

Cabaran membangun kepercayaan dan rasa saling hormat di antara kaum

Masyarakat hari ini sudah tidak lagi mempunyai sikap saling hormat- menghormati di antara satu sama lain meskipun negara berpuluh tahun sudah diduduki rakyat pelbagai kaum. Kepercayaan dan saling hormat adalah asas penting dalam memperkukuhkan perpaduan kaum. Kurangnya interaksi berkesan menyebabkan ikatan hubungan kaum masih perlu diperkukuhkan. Setiap rakyat memainkan peranan penting dalam membangunkan negara kerana tanpa prinsip hormat perpaduaan yang jitu tidak akan dikecapi.

Cabaran memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan kesaksamaan

Cabaran dalam memelihara perpaduan kaum di Malaysia termasuklah masalah diskriminasi dan ketidakadilan yang masih berleluasa dalam pelbagai bentuk. Perpaduan yang sejati seharusnya ditanamkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan kesaksamaan dalam diri masyarakat. Walaubagaimanapun ketidakadilan ini sudah melibatkan pelbagai aspek kehidupan salah satunya ialah dalam bidag pendidikan. Misalnya, terdapat laporan mengenai ketidakaksamaan dalam akses kepada peluang pendidikan yang setara, dimana sekolah-sekolah tertentu mungkin tidak menerima bantuan dan perhatian yang sama rata. Layanan sosial yang tidak seimbang turut menyumbang kepada ketidakpuasan hati kerana ada yang lebih memihak kepada satu kaum, sementara kaum lain terpinggir.

Tindakan sewajarnya perlu dilaksanakan bagi mengelakkan perasaan tidak puas hati dan hilang kepercayaan antara kaum. Kesan buruk juga akan berlaku jika tidak dibendung seperti akan menimbulkan ketegangan dan perpecahan dalam masyarakat, yang boleh mengancam kestabilan sosial dan keharmonian negara. Oleh itu, menangani isu ini adalah kritikal untuk memastikan perpaduan kaum dapat dicapai dan dipelihara.

Cabaran memahami bahasa dan adat istiadat dalam memelihara perpaduan

Bahasa dan adat istiadat adalah perkara yang terpenting dalam membentuk identiti setiap masyarakat. Kurangnya pengetahuan terhadap bahasa, agama dan istiadat etnik lain boleh menimbulkan ketegangan dan ketidakselesaan dalam interaksi harian. Ketidakhahaman ini juga boleh mengakibatkan salah faham dan komunikasi yang tidak berkesan. Apabila berlaku perselisihan faham kerana salah tafsir tentang kaum lain akan mudah berlakunya ketegangan dan prasangka negatif. Contohnya, terdapat adat tertentu yang mungkin kelihatan aneh atau tidak difahami oleh mereka yang tidak terbiasa dengannya. Oleh itu, kesedaran budaya amat perlu dalam memperkenalkan dan menjelaskan budaya yang berbeza. Hanya dengan usaha yang bersepadu dan komprehensif dapat memastikan keharmonian yang berkekalan dalam masyarakat majmuk ini.

4. Kesimpulan

Mendalami pemahaman ilmu terhadap Islam dan falsafah bagi membentuk perpaduan amat penting dalam konteks Malaysia yang majmuk. Hubungan yang baik terbina daripada pelbagai agama di negara ini perlu sentiasa dikekalkan bagi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat. Perkara ini memerlukan kerjasama menyeluruh dari semua pihak dalam bersama menghasilkan integrasi yang bersifat nasional. Perkongsian dan pematuhan terhadap nilai dan norma yang terpuji merupakan aspek yang disepakati oleh semua manusia merentasi sempadan kaum dan agama.

Perpaduan merupakan elemen penting untuk memastikan kemakmuran dan keamanan dalam sesebuah negara. Perpaduan ini unik kerana adanya perbezaan agama, bangsa, dan budaya. Pengekalan perpaduan yang dicapai banyak bergantung kepada kekukuhan kontrak sosial yang dipegang antara kaum melalui perundangan serta kepimpinan yang berwibawa. Dasar-dasar yang

dilaksanakan dan prinsip-prinsip asas Islam yang diamalkan turut memperkukuhkan perpaduan antara kaum di Malaysia.

Relevansi ini terbukti dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai, di mana nilai-nilai sejagat Islam seperti menghormati hak asasi manusia mampu menyatukan rakyat dari pelbagai pihak. Namun, cabaran untuk mengekalkan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama tetap ada. Ketidaktahuan terhadap budaya dan agama lain sering kali menjadi punca ketegangan. Oleh itu, perkukuhan mekanisme untuk menangani diskriminasi dan ketidakadilan. Disamping itu, peranan kepimpinan dalam menyemai nilai-nilai perpaduan dan memastikan dasar-dasar yang adil dan inklusif adalah kritikal. Kepimpinan yang berwibawa dan dasar yang menyokong kesamarataan akan memperkukuh lagi ikatan sosial yang ada sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan harmoni di mata dunia.

5. Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2016). *Perpaduan dalam Kepelbagaian: Cabaran dan Strategi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Adullah (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Batubara, Y. A. B. (2024). *Hakikat Ilmu Menurut Perspektif Al-Qur'an*. Cakra Jurnal Penelitian Mahasiswa, 1(1), 33-38.
- Hasahatan Huatahaean (2020). *Tantangan Teologi Agama-agama: Suatu Diskursus Model*. Jurnal Teologi dan Pendidikan Agama.
- Hashim Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu Suatu Pengenalan*. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kamali, M. H. (2008). *The right to life, security, privacy and ownership in Islam*. Islamic Text Society.
- Kamali, M. H. (2017). *The middle path of moderation in Islam: The Quranic principle of Wasatiyyah*. Oxford University Press.
- Mohamad Solihan, C. (2018). *Perpaduan Nasional: Konsep dan Cabaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Meerangani, K. A., Rosele, M. I., & Marinsah, S. A. (2020). *Pendekatan Wasatiyyah Dalam Interaksi Inter-agama Di Malaysia Wasatiyyah Approach In Inter-religious Interaction In Malaysia*. Manu, 2, 19-46.
- Osman, M. T. (1996). *Islam in Southeast Asia: Edited with an introduction*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Ramli, W. A. W., & Ab Majid, M. K. (2011). *Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal*. Jurnal Usuluddin, 33, 113-138.
- Saari, C. Z., & Majid, M. K. H. A. (2000). *Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun*. Jurnal Usuluddin, 12, 73-94.
- Shahrudin, W. S. W., & Zubir, Z. (2020). *Perpaduan Dalam Membentuk Keamanan Umat Islam Di Malaysia*.
- Universiti Utara Malaysia, (2021). *Falsafah dan Isu Semasa*. Buku Teks oleh UUM Press.
- Wan Daud, W. M. N. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.